



بولتین

# BULETIN MDKK

## MAJLIS DAERAH KUALA KRAI

### PROGRAM JELAJAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) KE MAJLIS DAERAH KUALA KRAI



### TAZKIRAH BULANAN UMI

1 Februari 2024

(Ubudiyah, Masuliyah, Itqan) Bil.01/2024

Tajuk : "Menyerlah Jauh Dari Biasa Melalui Perspektif U.M.I"

Siri tazkirah bulanan ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan, YBrs Ustaz Mohamad Zulfitri bin Mohd Shukri, Timbalan Pegawai Agama Jajahan Tanah Merah.





## LAWATAN PENANDA ARAS EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

(EKSA) seramai 17 orang yang bertujuan untuk perkongsian maklumat dan idea berkenaan pelaksanaan dan persiapan bagi pensijilan semula amalan EKSA di Pejabat Tanah & Jajahan Jeli.

7 Februari 2024-Majlis Daerah Kuala Krai telah menerima kunjungan dari warga Pejabat Tanah & Jajahan Jeli bagi sesi Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor

Warga MDDK mengucapkan jutaan terima kasih kepada wakil delegasi Pejabat Tanah & Jajahan Jeli.



## PROGRAM SAMBUTAN PELANCONG SEMPENA TAHUN MELAWAT KELANTAN 2024 (TMK24) DI DABONG OLEH YB DATO KAMARUDIN MD NOR, PENERUS JAWATANKUASA PELANCONGAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN NEGERI KELANTAN.

10 Februari 2024-Program yang bermula seawal jam 10.30 pagi di Dabong ini telah berakhir dengan ketibaan YB Dato' di Tangga Krai apabila selesai melawat Pusat Pembuatan Tembikar Di Kg. Mambong.





## PROGRAM JELAJAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

14 Februari 2024-Program Jelajah PBT 2024 ke Majlis Daerah Kuala Krai (MDKK) oleh YB Hilmi bin Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan. Disusuli dengan penyampaian surat kelulusan peruntukan Marris sebanyak RM 620 Ribu, peruntukkan pembelian tong sampah sebanyak RM 76,450.00, dan penyampaian apron Geraiku Bersih bagi peniaga bazar Ramadan 2024.

## PAMERAN SEMPENA MAJLIS PELANCARAN TAHUN MELAWAT KELANTAN 2024

Pameran yang bermula pada 21-25 Februari 2024 di Perkarangan Stadium Muhammad IV Kota Bharu.

Antara aktiviti yang disediakan :

- 1.Pameran dan Jualan Pasu Mambong yang telah dihasilkan sejak tahun 1868.
2. Pameran bergambar tempat - tempat menarik di Kuala Krai
3. Jualan tiket Mini Zoo Kuala Krai dengan diskaun sebanyak \*30%\*





Operasi yang diadakan kali ke ketiga dalam tempoh 48 jam ini telah dijalankan pada waktu petang antara jam 6:00 Petang – 8:00 Malam Bertindak berdasarkan aduan masyarakat Kuala Krai, operasi bersepadu ini telah membuah hasil dengan penangkapan sebanyak 7 ekor lembu dewasa yang berkeliaran.

MDKK mengingatkan kepada penternak-penternak lembu, kambing dan lain-lain supaya sentiasa prihatin dan bertanggungjawab dengan memastikan haiwan peliharaan mereka berada dalam keadaan terjaga dan tidak membiarkan merayau-rayau di tempat awam. MDKK mengucapkan terima kasih kepada aduan-aduan yang telah dibuat dan kesabaran masyarakat Kuala Krai kerana tidak mengambil langkah sendiri tanpa melibatkan pihak-pihak berkuasa.

Terima kasih juga buat Polis Daerah Kuala Krai kerana diatas kerjasama dalam menjaga keselamatan masyarakat Kuala Krai.

## OPERASI BERSEPADU HAIWAN MERAYAU

24 Februari 2024 – Majlis Daerah Kuala Krai melalui Jabatan Penguatkuasaan Bersama Polis Trafik Daerah Kuala Krai telah mengadakan satu Operasi Bersepadu Haiwan Merayau di kawasan 'hotspot' yang menjadi aduan oleh masyarakat Kuala Krai. Operasi diadakan bertujuan bagi menangkap haiwan merayau seperti lembu, kambing dan lain-lain. Tindakan penguatkuasaan iaitu penangkapan haiwan telah diambil dibawah **Undang-undang Kecil Haiwan Merayau MDKK 1983**







## MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH & PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS DAERAH KUALA KRAI

28 Februari 2024 - Majlis Penyampaian Watikah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis Daerah kepada dua orang Ahli Majlis yang belum mengangkat sumpah penerimaan jawatan iaitu Ustaz Ahmad Subhi bin Zainal Abidin dan En. Hashim Bin Yaacob. Majlis ini diadakan bersempena dengan Mesyuarat Penuh MDKK. Selamat menjalankan tugas dengan penuh amanah dan dedikasi. Siiru Ala Barakatillah.

## MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BULAN MEMBACA AL-QURAN (1 HARI 1 JUZUK)

Bersempena dengan Bulan Ramadhan Al-Mubarak 1445H/2024M, Majlis Daerah Kuala Krai telah melancarkan Kempen Bulan Membaca Al-Quran "1 Hari 1 Juzuk".Majlis ini telah disempurnakan oleh YABrs. Tuan Haji Azi Rahimiee bin Haji Mohamed, Yang DiPertua MDKK.

## PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN INOVASI

Telah diadakan satu pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Piala Yang DiPertua MDKK antara Jabatan-Jabatan Majlis Daerah Kuala Krai. Jabatan Teknologi Maklumat & Kewangan yang telah mempersembahkan Sistem Kutipan Tunai Mini Zoo Kuala Krai mendapat Johan keseluruhan. Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YABhg. Tuan Yang DiPertua MDKK

